

BADAN KHAIRAT KEMATIAN KARIAH SURAU AT-TAQWA BUKIT BANDARAYA, SEKSYEN U11, SHAH ALAM, SELANGOR

1. NAMA PERTUBUHAN

BADAN KHAIRAT KEMATIAN KARIAH SURAU AT-TAQWA, BUKIT BANDARAYA, SEKSYEN U11, SHAH ALAM, SELANGOR.

2. TEMPAT URUSAN

Tempat urusan dan alamat surat menyurat Pertubuhan ialah Surau At-Taqwa, Bukit Bandaraya, Seksyen U11, Shah Alam, 40170 Selangor atau ditempat lain yang akan ditetapkan dari semasa kesemasa oleh Jawatankuasa. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan ini boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

3. TUJUAN

3.1 Memberi bantuan wang kepada ahli atau tanggungan ahli atau waris ahli bila berlaku kematian.

3.2 Memberi bantuan menguruskan jenazah ahli atau tanggungan ahli mengikut keperluan.

4. KEAHLIAN

4.1 Ahli-ahli pertubuhan ini terbuka kepada penduduk Islam kariah Surau At-Taqwa, Bukit Bandaraya, Seksyen U11, Shah Alam, Selangor yang merangkumi kawasan perumahan PALATIUM, SALASIA, EEMMRA, IRIS, NUANG HILL DAN EMMELIA. Walaubagaimanapun Ahli Jawatankuasa dengan persetujuan sebulat suara dari masa kesemasa boleh menambah kawasan perumahan baru mengikut keperluan.

4.2 Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan hendaklah memohon melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi dari Setiausaha. Mesyuarat Jawatankuasa berhak melulus atau menolak sebarang permohonan.

5. WANG PENDAFTARAN DAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

- 5.1 Tiap-tiap ahli baru hendaklah menjelaskan wang pendaftaran sebanyak RM 30.00 . Wang pendaftaran ini akan dikumpul dalam satu tabung yang di namakan sebagai Tabung Khairat Kematian.
- 5.2 Wang dari Tabung Khairat Kematian hendaklah digunakan semata- mata untuk membayar bantuan khairat kematian kepada ahli atau waris sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain melainkan setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Agong.
- 5.3 Bila ada kematian, bantuan khairat boleh dibayar dari kumpulan wang Tabung Khairat Kematian. Setelah itu hendaklah dipunggut semula dari setiap orang ahli sebanyak RM 10.00 bagi menampung kekurangan wang dari tabung tersebut.
- 5.4 Ahli-ahli yang tidak membayar wang pungutan semula sebanyak RM 10.00 apabila berlaku kematian, akan diberi surat peringatan oleh Setiausaha atau Bendahari dan jika ahli tersebut masih tidak membayar wang tersebut dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat peringatan dikeluarkan , ia dianggap telah berhenti menjadi ahli. Ahli-ahli yang telah berhenti menjadi ahli tidak berhak menerima bantuan kematian dan tidak berhak menuntut balik apa apa wang yang telah dibayar kepada Pertubuhan ini.

6. YURAN

- 6.1 Tiap-tiap ahli dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM 10.00 sahaja kepada Bendahari sebelum akhir bulan Febuari. Ahli yang tidak membayar yuran tahunan lebih dari satu tahun dengan sendirinya terhenti menjadi ahli. Yuran tahunan hanya boleh digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran sahaja dan kira-kiranya hendaklah diasingkan daripada Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian.
- 6.2 Semua sumber pendapatan dan kutipan wang pertubuhan ini hendaklah disimpan dalam satu akaun bank tempatan di atas nama pertubuhan.
- 6.3 Ahli yang telah berhenti menjadi ahli kerana tidak menjelaskan Yuran Tahunan atau Wang Pungutan semula sebanyak RM10.00, boleh memohon semula menjadi ahli dengan dikenakan bayaran pendaftaran sebanyak RM30.00

7. BANTUAN KEMATIAN

7.1 Wang bantuan kematian akan dibayar kepada ahli atau waris seperti berikut;

BIL.	JENIS KEMATIAN	JUMLAH BANTUAN
1.	Atas kematian ahli / suami / isteri	RM1,000.00
2.	Atas kematian anak ahli yang masih dalam tanggungan atau bayi belum daftar	RM500.00
3.	Atas kematian Ibu / Bapa / Mentua yang tinggal dengan Ahli	RM500.00
4.	Atas kematian anak angkat / anak tiri yang namanya didaftar dan masih dalam tanggungan	RM500.00

7.2 Jumlah bantuan kematian boleh dinaikan dari masa ke semasa dengan syarat, kenaikan tersebut dipersetujui dan diluluskan oleh Mesyuarat Agong.

8. SYARAT BANTUAN

8.1 Bayaran kematian akan dibayar cuma atas kematian ahli atau tanggungan ahli yang namanya ada di dalam simpanan Setiausaha dengan syarat ada surat mati yang sah. Atas kematian ahli sendiri, bantuan akan dibayar kepada waris dan atas kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada ahli.

8.2 Ahli tidak layak menuntut sebarang bantuan bagi kematian anak atau tanggungan yang telah berkahwin walaupun nama anak atau tanggungan tersebut ada dalam senarai tanggungan ahli. Anak yang telah berkahwin hendaklah mendaftar menjadi ahli secara berasingan.

9. PENTADBIRAN

9.1 Kuasa yang tertinggi di dalam pertubuhan ini terletak pada Mesyuarat Agung. Di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan, ahli-ahli hendaklah melantik jawatankuasa kerja yang akan mentadbir pertubuhan ini. Mereka akan memegang jawatan masing-masing sehingga Mesyuarat Agung yang akan datang atau sehingga mereka meletak jawatan atau diberhentikan. Ahli Jawatankuasa Kerja adalah terdiri;

- a. Seorang Yang DiPertua
 - b. Seorang Timbalan Yang DiPertua
 - c. Seorang Setiausaha
 - d. Seorang Penolong Setiausaha
 - e. Seorang Bendahari
 - f. Seorang Penolong Bendahari
 - g. 9 orang Ahli Jawatankuasa biasa
- 9.2 Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua, Setiausaha, bendahari dan 6 orang Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa seperti yang disebutkan di dalam cerai (g) Fasal ini hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung.
- 9.3 Penolong Setiausaha, Penolong Bendahari dan 1/3 daripada Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah dilantik oleh Yang DiPertua dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja.

10. TUGAS-TUGAS AHLI JAWATANKUASA KERJA

10.1 Yang DiPertua

- i) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan badan ini sesuai dengan matlamat dan tujuan badan ini ditubuhkan.
- ii) Mengambil segala langkah yang perlu bagi menjaga dan memelihara kerharmonian, persefahaman dan kesungguhan Ahli Jawatankuasa Kerja dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.
- iii) Menetapkan tempat, tarikh dan masa mesyuarat dan mempengerusikan Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa.

10.2 Timbalan Yang DiPertua

- i) Membantu tugas Yang DiPertua
- ii) Mempengerusikan Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa apabila Yang DiPertua berhalangan atau tidak hadir.

10.3 Setiausaha

- i) Bertanggungjawab secara langsung kepada Yang DiPertua dan Jawatankuasa Kerja.
- ii) Bertanggungjawab atas kesempurnaan pentadbiran dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung.

iii) Menyediakan laporan kegiatan dan kemajuan badan bagi tujuan mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung.

iv) Menyimpan maklumat peribadi semua ahli serta bertanggungjawab mengesahkan kesahihan semua tuntutan ahli sebelum sebarang bantuan wang boleh dikeluarkan.

10.4 Penolong Setiausaha

i) Membantu tugas-tugas Setiausaha

ii) Menjalankan tugas Setiausaha apabila Setiausaha berhalangan atau tidak hadir dalam Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Jawatankuasa Kerja

10.5 Bendahari

i) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan dan menyediakan rancangan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan badan ini.

ii) Bertanggungjawab bagi menyediakan penyata kewangan untuk dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

iii) Menyediakan laporan dan dokumen kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira dan membentangkan penyata kewangan berakhir 31 Disember dalam Mesyuarat Agung.

iv) Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih dari RM2,000.00 sahaja bagi memastikan bantuan wang boleh disampaikan kepada ahli/waris pada bila-bila masa secepat mungkin, walaupun pada hari cuti mingguan atau cuti umum.

v) Bendahari bertanggungjawab dengan semua wang yang diterima dan dibelanjakan serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Setiausaha.

10.6 Penolong Bendahari

i) Membantu tugas-tugas Bendahari

ii) Membentangkan laporan kewangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung apabila Bendahari berhalangan atau tidak hadir.

10.7 Ahli Jawatankuasa Biasa

Bertanggungjawab membantu mana-mana Ahli Jawatankuasa Kerja seperti yang diarahkan oleh Yang Dipertua

11. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

11.1 Mesyuarat Agung Dwi Tahunan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin selepas berakhir tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31 Mac. Notis mesyuarat termasuk salinan laporan tahunan dan penyata kira-kira yang telah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum diadakan mesyuarat.

11.2 Perkara yang diuruskan di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ialah;

- i) Mengesahkan peringatan Mesyuarat Agung yang lalu
- ii) Membentang dan menerima Laporan Tahunan
- iii) Membentang dan menerima Penyata Kewangan
- iv) Melantik Ahli Jawatankuasa Kerja
- v) Melantik 2 orang Pemeriksa Kira-kira
- vi) Membahaskan usul-usul

11.3 Mesyuarat Agung hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli yang berjumlah tidak kurang dari 3 kali jumlah Ahli Jawatankuasa.

12. MESYUARAT AGUNG KHAS

12.1 Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan pada bila-bila masa pun apabila difikirkan mustahak oleh Mesyuarat Jawatankuasa atau mestilah diadakan oleh Setiausaha dalam tempoh 30 hari setelah menerima permintaan bertulis yang ditandatangani beramai-ramai oleh tidak kurang dari 1/5 daripada jumlah ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak diadakan mesyuarat itu.

12.2 Notis dan agenda Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat diadakan.

12.3 Mesyuarat Agung Khas hanya sah dijalankan jika diharidi oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali jumlah ahli jawatankuasa.

13. MESYUARAT JAWATANKUASA

13.1 Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali dan boleh diadakan pada bila-bila masa pun jika difikirkan perlu oleh Yang DiPertua.

13.2 Notis dan agenda Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan kepada semua Ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.

13.3 Mesyuarat Jawatankuasa hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh tidak kurang dari separuh jumlah ahli jawatankuasa.

14. PEMECATAN AHLI JAWATANKUASA

Pemecatan Ahli Jawatankuasa dan memilih gantinya boleh dilakukan di dalam Mesyuarat Agung Khas. Mesyuarat Jawatankuasa hanya boleh melantik pemangku bagi jawatan yang kosong kerana berhenti atau meninggal dunia.

15. PEMERIKSA KIRA-KIRA

15.1 Dua orang yang bukan Ahli Jawatankuasa boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.

15.2 Pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi dua tahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung. Mereka boleh juga memeriksa kira-kira pertubuhan pada bila-bila masa jika difikirkan perlu oleh Yang DiPertua.

16. PERKARA AM

16.1 Seseorang ahli boleh menamakan sebagai orang yang menerima wang bantuan dari gulungan yang disebutkan selepas ini – Suami, isteri, anak (termasuk anak angkat) cucu, ibu, bapa, menantu, saudara seibu dan sebapa, saudara seibu atau sebapa atau menamakan mana-mana orang lain dengan bertulis dan ditandatangani sendiri di hadapan dan disaksikan oleh Jaksa Pendamai atau seorang Magistret atau Pendaftar.

16.2 Setiap ahli hendaklah diberi satu salinan Undang-undang Pertubuhan ini dengan percuma apabila diterima menjadi ahli. Orang-orang lain sama ada ahli atau bukan ahli boleh diberi satu salinan Undang-undang pertubuhan ini apabila diminta.

- 16.3 Buku-buku berkenaan pertubuhan ini dan daftar ahli boleh diperiksa oleh ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.
- 16.4 Ahli-ahli yang ada kemuskilan terhadap mana-mana pegawai pertubuhan ini boleh mengemukakan kemuskilannya di dalam Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad. Bekas ahli dan mereka yang ada sangkutannya dengan pertubuhan ini boleh mengemukakan kemuskilan ke dalam Mesyuarat Agung melalui ahli yang hadir.
- 16.5 Pertubuhan ini tidak boleh mengadakan apa-apa perhubungan di luar Malaysia.
- 16.6 Perbelanjaan yang lebih daripada RM1,000.00 (Satu ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa dan perbelanjaan yang lebih daripada RM10,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang tidak melebihi RM1,000.00 (Satu ribu) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Yang DiPertua bersama Setiausaha dan Bendahari.
- 16.7 Ahli yang melanggar undang-undang pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada pertubuhan ini boleh dipecat dari menjadi ahli oleh Mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum dipecat, ahli berkenaan mestilah diberitahu dengan bertulis tentang sebab-sebab ia hendak dipecat dan seterusnya diberi peluang untuk memberi apa-apa penjelasan bertulis atau dengan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas kerananya.
- 16.7.1 Jika 2/3 Ahli Jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat tersebut menyokong pemecatan maka ahli berkenaan akan dipecat dengan serta merta. Walau bagaimanapun, ahli berkenaan boleh membuat rayuan kepada Mesyuarat Agung.
- 16.8 Pelajar Universiti atau Kolej Universiti tidak akan diterima menjadi ahli pertubuhan ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor universiti berkenaan.
- 16.9 Ahli yang ingin berhenti menjadi ahli hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.
- 16.10 Lima puluh peratus daripada kumpulan wang pertubuhan yang tidak segera dikehendaki untuk membayar faedah-faedah boleh dilaburkan dalam cagaran-cagaran amanah atau dengan persetujuan Pendaftar Pertubuhan atas syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan bagi membeli tanah atau harta kekal yang lain.

17. PENGAMANAH

17.1 Tiga orang pengamanah yang berumur lebih dari 21 tahun hendaklah dilantik dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh pertubuhan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap dan pelaburan kumpulan wang pertubuhan. Seseorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi pengamanah.

17.2 Suatu salinan ketetapan melantik seseorang pengamanah yang ditandatangani oleh pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan.

17.3 Seseorang pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit tidak siuman, tidak berada di dalam Negara atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau perlucutan jawatan bagi seseorang pengamanah maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

18. TAFSIRAN

Di antara Mesyuarat Agung, Mesyuarat Jawatankuasa bolehlah memberikan tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalamnya. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa adalah muktamad sehingga dirombak oleh Mesyuarat Agung.

19. PINDAAN UNDANG-UNDANG

Segala pindaan kepada undang-undang ini hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak, akan tetapi pindaan kepada undang-undang yang mengurangkan bantuan yang telah ditetapkan dalam undang-undang ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan $\frac{3}{4}$ (tiga suku) daripada jumlah ahli pertubuhan dengan cara undi sulit. Segala pindaan undang-undang tidak boleh dikuatkuasakan sebelum terlebih dahulu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

20. PEMBUBARAN

Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan $\frac{3}{4}$ daripada ahli-ahli pertubuhan ini di dalam Mesyuarat Agung yang diadakan khas kerana itu. Apabila keputusan

telah diambil untuk membubarkan pertubuhan ini maka segala hutang piutang yang sah hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Agung yang membubarkan pertubuhan ini. Pembubaran itu hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.

Sekian

Tarikh : 7 Jamadil Awal 1436 | 26 Februari 2015